




Siaran Akhbar
Untuk Terbitan Segera

LeapEd Melancarkan e-buku Coronavirus dalam Bahasa Melayu untuk Mendidik Kanak-kanak

Coronavirus: Buku untuk Kanak-Kanak merupakan versi Bahasa Melayu pertama yang diterjemahkan dan disesuaikan dengan konteks tempatan oleh LeapEd Services Sdn Bhd, dengan kerjasama pemenang anugerah dan penerbit global, Nosy Crow serta Ilustrator yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, Axel Scheffler.

Kuala Lumpur, 7 Julai 2020 – LeapEd Services Sdn Bhd (LeapEd), penyedia perkhidmatan pendidikan tempatan pertama di Malaysia dan sebuah syarikat perusahaan sosial, telah melancarkan e-buku '**Coronavirus: Buku untuk Kanak-Kanak**' Edisi Bahasa Melayu baru-baru ini. E-buku ini mengandungi 17 halaman dengan naratif yang mudah difahami serta dilengkapi dengan ilustrasi untuk pembacaan yang menarik. Menyedari kepentingan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan kanak-kanak Malaysia tentang wabak COVID-19 ketika ini, LeapEd diberi penghormatan eksklusif untuk menterjemahkan e-buku ini, sebagai sebahagian daripada usahanya untuk mengubah cara kanak-kanak belajar dan juga cara pendidik mengajar.



'**Coronavirus: Buku untuk Kanak-Kanak**' boleh dimuat turun di:
www.leapedservices.com/coronavirus-book

E-buku ini pada mulanya diterbitkan di United Kingdom (UK) oleh Nosy Crow, penerbit buku kanak-kanak bebas yang memenangi anugerah dan diilustrasikan oleh Axel Scheffler, ilustrator yang terkenal di peringkat antarabangsa melalui ilustrasi 'The Gruffalo'. Sejak

dilancarkan di UK pada April tahun ini, e-buku tersebut telah dimuat turun lebih daripada sejuta kali, dan boleh didapati dalam lebih daripada 60 bahasa.

Pengerusi LeapEd, Shahnaz Al-Sadat berkata, “*Walaupun negara sedang dalam proses pemulihan, perjuangan menentang COVID-19 masih belum selesai. Sambil kita menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu, amat penting untuk anak-anak kita dilengkapi dengan pengetahuan dan pemahaman yang relevan tentang virus dan bagaimana mereka dapat memainkan peranan untuk melindungi diri mereka dan orang sekeliling. Peluang untuk menterjemahkan buku ini ke Bahasa Melayu serta memastikan maklumat yang diberikan disesuaikan dalam konteks tempatan merupakan langkah penting untuk menghubungkan ibu bapa dan kanak-kanak di Malaysia dan mendorong perbincangan terbuka tentang virus tersebut dan realiti kehidupan baharu*”.

Usaha untuk menyampaikan maklumat tentang pandemik COVID-19 tidak terhenti di situ sahaja. Panduan Membaca oleh LeapEd menyediakan langkah demi langkah bagi membantu ibu bapa menggunakan buku ini dengan lebih berkesan. Panduan Membaca tersebut merangkumi cadangan cara membaca e-buku ini, bagaimana memulakan perbualan dengan anak-anak, soalan mengenai virus dan pandemik tersebut serta mendorong anak-anak untuk merenungkan keadaan semasa dan langkah-langkah seterusnya yang boleh mereka praktikkan dengan segera. Terdapat juga versi “Read Aloud” yang disampaikan oleh Azalia Suhaimi, penyair Malaysia yang terkenal dengan kaedah menggabungkan fotografi dan puisi.

Video ini boleh ditonton di → <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/bright-ideas/coronavirus-a-book-for-children?authuser=0>



After you have read the book

For children to really understand and engage with a book, it can be helpful to follow reading with some extra activities for them to use their new knowledge.

These activities can help children engage with the content of the book and ensure that they remember some of the key messages.

1. Write a card to a friend. Keep your children connected with people they care about.
2. Draw a picture showing what you are doing at home during the MCO and send it to a friend.
3. Paint a bright rainbow and put it in your window for people to see and smile. This will make them smile.
4. Make a checklist for your family so they don't forget things they need before they go out.
5. Create a video telling your friends what you have learned from the book and share it with your family and friends.

Get an idea to contribute?

enquiry@leapedservices.com
www.leapedservices.com

Join our Telegram Group

Shire if it works with us: #LeapEdBrightIdeas

because every child deserves a great future

Penceritaan boleh menjadi kaedah terbaik untuk berkongsi buku dengan anak-anak. Azalia Suhaimi, penyair dan penglipur lara Malaysia telah menghasilkan dua video (versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu) untuk digunakan oleh ibu bapa bersama-sama dengan buku ini.

Ilustrasi e-buku ini direka khas secara berwarna-warni dan ceria untuk menarik minat kanak-kanak terhadap topik tersebut. Ilustrator dan pemenang anugerah, Axel Scheffler berkata, “Penting untuk menyampaikan maklumat kepada kanak-kanak dan ibu bapa tentang virus ini - dan buku ini adalah cara yang baik untuk melakukannya. Walaupun mungkin mustahil untuk menghasilkan lukisan yang mencerminkan kehidupan kanak-kanak di seluruh dunia, saya sangat berbesar hati kerana kanak-kanak di Malaysia kini boleh membaca buku ini dan belajar tentang virus ini, terutama sekali kerana saya amat seronok dengan lawatan saya ke Malaysia dengan Institut Goethe kira-kira 10 tahun.”

“Kami sangat bangga kerana dapat menghasilkan ‘Coronavirus: Buku untuk Kanak-kanak’. Buku ini menjadi kenyataan kerana kami mendapat input daripada ilustrator dan pemenang anugerah, Axel Scheffler, yang dengan senang hati menyumbangkan ilustrasinya; serta nasihat guru-guru, seorang ahli psikologi kanak-kanak dan kepakaran saintifik Graham Medley, seorang Profesor Pemodelan Penyakit Berjangkit di School of Tropical Medicine London. Di masa yang sukar untuk mencari kaedah menggabungkan maklumat saintifik dengan kejujuran emosi dan jaminan kepada anak-anak, kami sangat gembira dapat memberikan sumber rujukan yang berguna”, kata Kate Wilson, Pengarah Urusan Nosy Crow.

Penerbit buku tempatan, Me Books Asia dan Silverfish Books turut berganding bahu dengan LeapEd, dalam menyediakan akses untuk memuat turun buku tersebut di platform digital mereka. Pengasas dan Ketua Pengawal Eksekutif Me Books Asia, Hao Jin berkata, **“Kami sangat teruja untuk memulakan perjalanan ini dengan LeapEd dan bekerjasama dengan mereka dalam usaha untuk mendidik kanak-kanak Malaysia mengenai COVID-19. Kami berharap inisiatif ini akan terus mendorong usaha negara ke arah pemulihian sepenuhnya dari pandemik tersebut.”**

Sebagai sokongan inisiatif ini, Pengurus Persatuan Ibu Bapa untuk Pendidikan Malaysia (PAGE), Datin Noor Azimah Abdul Rahim berkata, **“Tahniah LeapEd kerana berjaya menghasilkan pendekatan langkah demi langkah yang mudah dan mesra untuk ibu bapa membimbing anak-anak mengenai Coronavirus. Buku ini merupakan bahan pembacaan ringkas yang menyeronokkan dengan gambar-gambar yang cantik untuk menjadikan pembelajaran menarik dan menjadi sumber rujukan kepada ibu bapa dan kanak-kanak.”**

Pelaksanaan pelbagai peringkat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan Malaysia yang bermula 18 Mac telah menyebabkan sekolah, pusat pengayaan dan pembelajaran ditutup. LeapEd bertanggungjawab mereka bentuk dan melaksanakan Program Sekolah Amanah, sebuah program transformasi sekolah secara menyeluruh dengan impak kepada lebih 90 Sekolah Amanah di seluruh negara. Sebagai respons kepada pandemik ini, LeapEd telah memperkenalkan pelbagai sumber rujukan inovatif untuk membimbing dan membantu pendidik, ibu bapa dan murid pada waktu getir ini.

Sokongan LeapEd turut merangkumi bengkel, webinar serta bahan pembelajaran di platform digital dan sosial seperti Zoom dan Telegram untuk membimbing guru-guru menyesuaikan diri dengan pembelajaran dalam talian serta membantu ibu bapa dan murid-murid menyesuaikan diri dengan pembelajaran di rumah.

###

Mengenai LeapEd Services Sdn Bhd

LeapEd Services Sdn Bhd (LeapEd) merupakan penyedia perkhidmatan pendidikan tempatan yang pertama di Malaysia dan perusahaan sosial yang dipercayai. Matlamat LeapEd adalah untuk membangunkan para pelajar secara holistik dengan kompetensi abad ke-21 serta sekolah yang dilengkapi dengan amalan pendidikan yang mampan. LeapEd percaya bahawa setiap kanak-kanak berhak mendapat masa depan yang cerah. Oleh itu, LeapEd bekerjasama rapat dengan rakan strategik dan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kerjasama awam-swasta yang memberi tumpuan terhadap transformasi sekolah secara menyeluruh dan pembelajaran berpusatkan murid untuk merealisasikan potensi setiap pelajar.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, LeapEd telah mereka bentuk dan melaksanakan pelbagai model seperti *District Transformation Programme-AMAN* (DTP-AMAN), *Islamic School Enhancement Programme* (ISEP), *Ground-up School Transformation Programme* (GUSTO), Program Sekolah Transformasi (PreSTasi) serta Program Sekolah Amanah (PSA) yang pertama di negara ini. Model intervensi ini telah memberi impak kepada lebih 71,000 orang murid, 6,000 orang guru dan 160 buah sekolah meliputi 13 buah negeri di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.leapedservices.com.

Laman Facebook: www.facebook.com/LeapEdServices

Laman Linkedin: www.linkedin.com/company/leaped-services/

LeapEd #BrightIdeas

LeapEd #BrightIdeas merupakan inisiatif yang dilancarkan untuk murid-murid, guru-guru, pemimpin sekolah dan ibu bapa semasa Perintah Kawalan Pergerakan. LeapEd #BrightIdeas direka khusus untuk menyediakan sumber rujukan dan bahan untuk menggalakkan pelibatan dalam pembelajaran secara positif. LeapEd #BrightIdeas boleh diakses melalui <https://t.me/LeapEdBrightIdeas>

LeapEd Academy

LeapEd Academy ialah unit latihan khusus LeapEd yang menawarkan pelbagai program latihan berkualiti tinggi, inovatif dan berpatutan bagi memenuhi keperluan golongan professional korporat dan pendidikan. Maklumat kursus LeapEd Academy boleh diakses melalui www.leapedservices.com/our-services/corporate-training/

Diterbitkan oleh Perspective Strategies. Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Tel: 03 - 7491 3138, Fax: 03 - 7733 3138

Charmaine Jeeva, Ms.

Email : charmaine.jeeva@perspective.com.my

Mobile : +60 12 – 610 4802

Kimberly Tan, Ms.

Email : kimberly.tan@perspective.com.my

Mobile : +60 12 – 6095931